

PENGARUH NEGATIF MEDIA SOSIAL

Oleh Mohd. Adam Fazery Jeffry, Universiti Putra Malaysia, Serdang

MEDIA sosial, termasuklah facebook, twitter, whatsapp dan instagram, bukanlah perkara asing di negara kita. Penggunaannya yang meluas sedikit banyak mengubah landskap perkongsian maklumat di Malaysia. Namun begitu, penggunaan media sosial yang tidak dikawal berpotensi untuk membawa pengaruh negatif terhadap pengguna.

Pengaruh negatif media sosial menjejaskan hubungan perpaduan antara masyarakat. Pengguna media sosial yang tidak beretika menggunakannya untuk meluahkan perasaan dan pandangan sesuka hati tanpa mengambil kira perasaan individu atau kelompok etnik yang lain. Tindakan seperti ini akan mengundang kemarahan etnik yang dihina lalu mewujudkan konfrontasi antara etnik. Jelas bahawa penggunaan media sosial yang tidak terkawal berisiko merapuhkan hubungan perpaduan antara masyarakat.

Selain itu, media sosial juga menyebabkan pembaziran masa individu. Banyak masa dihabiskan untuk melayari laman sosial. Pengguna biasanya leka membaca dan melihat pelbagai cerita yang dipaparkan di laman sosial. Tanpa sedar, masa yang mungkin dihabiskan setelah dikumpulkan ialah tiga hingga lima jam sehari. Ketagihan untuk melayari laman sosial akan mempengaruhi sikap pengguna untuk menanguhkan kerja yang perlu dilakukan pada masa yang telah ditetapkan. Secara

tidak langsung, tindakan sebegini menyebabkan mereka terpaksa membuat kerja lebih masa untuk menyelesaikan kerja yang tertangguh kerana godaan melayari laman yang menjadi penyampai berita ini.

Media sosial juga meningkatkan aktiviti yang tidak beretika, termasuklah penyebaran maklumat yang tidak dapat disahkan kesahihannya. Terdapat pengguna yang tidak bertanggungjawab yang sering memuat naik maklumat palsu pada laman sosial. Gejala seperti ini akan mencetuskan kekeliruan dalam kalangan pengguna media sosial. Ditambah pula individu yang menerima maklumat tersebut ialah orang yang terus menyampaikannya atau melenting tanpa menyelidik sumber maklumat yang diperolehi. Sebagai kesannya, masyarakat akan mudah tertipu dan berasa malas untuk mencari kepastian disebabkan oleh media sosial.

Sebagai kesimpulannya, media sosial merupakan sistem rangkaian internet yang digunakan untuk memudahkan proses komunikasi dan penyebaran maklumat. Namun begitu, kemudahan yang tidak digunakan dengan bijaknyanya akan membinasakan pengguna. Oleh itu, setiap pihak perlulah menggunakan kemudahan ini dengan lebih berhati-hati supaya dapat menjadi platform untuk pembangunan negara mencapai Wawasan 2020.